

|            |  |             |                     |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline   | Tidak dibenar daftar haji kedua dalam lima tahun |             |                     |
| MediaTitle | Sinar Harian                                     |             |                     |
| Date       | 29 Nov 2013                                      | Color       | Full Color          |
| Section    | Mahkamah   | Circulation | 160,000             |
| Page No    | 12   | Readership  | 509,000             |
| Language   | Malay  | ArticleSize | 157 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A  | AdValue     | RM 1,995            |
| Frequency  | Daily  | PR Value    | RM 5,986            |



## Tidak dibenar daftar haji kedua dalam lima tahun

**KUALA LUMPUR-** Mereka baharu pulang mengerjakan haji tidak dibenarkan mendaftar untuk menunaikan haji buat kali kedua dalam tempoh lima tahun, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Beliau berkata mereka sebaliknya dicadang mengerjakan umrah bagi beri laluan kepada orang lain menunaikan ibadah haji.

"Apabila sudah dibenarkan mendaftar untuk mengerjakan haji selepas lima tahun pun, mereka yang sudah mengerjakan haji, tidak akan diberi keutamaan.

"Namun kelonggaran diberikan kepada mereka yang hadapi masalah ketika mengerjakan haji buat pertama kali seperti tidak sempat menunaikan perkara tertentu dan sebagainya," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan **Che Mohamad Zulkifly Jusoh (BN-Setiu)** di persidangan Dewan Rakyat, semalam.



**JAMIL KHIR**

Jamil Khir menambah, 1.3 juta pendeposit Tabung Haji sedang menunggu untuk menunaikan haji dan daripada jumlah itu 14,000 merupakan warga emas iaitu berusia lebih 75 tahun.

Kepada soalan tambahan Datuk Seri **Reezal Merican Naina Merican (BN-Kepala Batas)**, beliau berkata kerajaan Arab Saudi menetapkan wanita berumur 45 tahun ke

atas tidak wajib membawa mahram.

Menjawab soalan **Che Mohamad Zulkifly**, beliau berkata jumlah jemaah haji 2013 ialah 21,960 dan jumlah tertinggi ialah dari Selangor iaitu 4,372 orang diikuti Johor (2,814 orang) dan Kedah (2,158 orang).

"Sebanyak 8,689 jemaah atau 40 peratus berumur 50 hingga 59 tahun disusuli oleh jemaah yang berumur 60 hingga 69 tahun berjumlah 5,575 orang atau 25 peratus dan yang berumur 40 hingga 49 tahun berjumlah 4,604 orang atau 21 peratus," katanya.

-Bernama